

<p><b>RISALAH PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan <b>Pembiayaan Perumahan / Rumah Kedai Muamalat (BBA)-i</b>. Pastikan juga anda telah membaca terma dan syarat am produk ini.</p>	<p><b>BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD</b></p> <p><b>PEMBIAYAAN PERUMAHAN/RUMAH KEDAI MUAMALAT (BBA)-i</b></p> <p><b>TARIKH:</b></p>				
<p><b>1. Apakah yang perlu saya tahu mengenai produk ini?</b></p>					
<p>Kemudahan pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membeli rumah/rumah kedai yang baru dari pemaju/penjual.</li> <li>• Pembiayaan semula pembiayaan perumahan sedia ada dari Institusi Kewangan yang lain.</li> <li>• Menggadai janji semula rumah yang bebas dari sebarang bebanan hutang.</li> </ul>					
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai untuk produk ini?</b></p>					
<p><b>Bai' Bithaman Ajil (BBA)</b> merupakan kontrak jual beli secara bayaran tertangguh.</p>					
<p><b>3. Apakah yang akan saya terima melalui produk ini?</b></p>					
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah Pembiayaan : RM _____</li> <li>• Margin Pembiayaan : _____ %</li> <li>• Tempoh Pembiayaan : _____</li> <li>• Had Kadar Keuntungan : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Had Kadar Keuntungan = 10.50%</li> <li>ii. Kadar Keuntungan Efektif = KPD +/- _____</li> </ul> </li> <li>• Harga Jualan : RM _____</li> </ul>					
<p><b>4. Apakah tanggungjawab saya?</b></p>					
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cara Pembayaran : _____</li> <li>• Jumlah Bayaran termasuk margin keuntungan adalah : RM _____</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Anda layak untuk menerima rebat bagi perbezaan antara Had Kadar Keuntungan dan Kadar Keuntungan Effektif.</p>					
<p><b>5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?</b></p>					
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Duti Setem: Seperti yang termaktub dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).</li> <li>• Fi pembayaran untuk pendaftaran, pencarian hak milik tanah dan pencarian bankrupsi.</li> <li>• Fi pemprosesan sebanyak RM _____</li> </ul>					
<p><b>6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?</b></p>					
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Caj ganti rugi (Ta'widh): <table border="1" data-bbox="180 1661 1346 1866"> <tr> <td data-bbox="180 1661 769 1751">Ketika tempoh pembiayaan</td> <td data-bbox="769 1661 1346 1751">Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="180 1751 769 1866">Selepas tamat tempoh pembiayaan</td> <td data-bbox="769 1751 1346 1866">Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.</td> </tr> </table> </li> </ul>		Ketika tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.	Selepas tamat tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.
Ketika tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.				
Selepas tamat tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.				

- Hak untuk tolak-selesai : Kami berhak untuk menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda bersama kami.

**7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan seluruh pembiayaan ini sebelum tempoh matang?**

Caj penyelesaian sewaktu tempoh pegangan (Lock in period) = (KPD +/- sebaran) X Jumlah Sebenar Prinsipal.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans/takaful?**

Ya. Perlindungan takaful/insurans adalah wajib.

Anda juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan perlindungan Takaful dari kami, di mana ia boleh dibiayai bersama dengan jumlah pembiayaan:

- Takaful Jangka Gadaijanji Berkurangan (MRTT)\*
- Takaful Perumahan Jangka Panjang (LTHT)\* atau
- Takaful Kebakaran/Empunya Rumah.

*\*Nota: Perlindungan Takaful yang boleh dibiayai bersama dengan jumlah pembiayaan.*

**9. Apakah risiko-risiko utama yang terlibat?**

- Kadar Keuntungan akan berubah mengikut Kadar Pembiayaan Dasar. Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk pada kadar maksima yang telah ditetapkan pada 10.50%.
- Sekiranya anda bermasalah untuk memenuhi obligasi pembiayaan anda, sila hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan tentang alternatif bayaran pembiayaan.

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?**

Untuk memastikan sebarang surat menyurat diterima tepat pada masanya, sila hubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat.

**11. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**12. Lain-lain pakej pembiayaan perumahan sedia ada:**

Pembiayaan Perumahan (Istisna')-i.

**NOTA PENTING :**

**RUMAH /RUMAH KEDAI ANDA BOLEH DISITA SEKIRANYA ANDA INGKAR DALAM PEMBAYARAN ANSURAN MENGIKUT TERMA DAN SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN.**